

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN PERSATUAN PENGILANG-PENGILANG
TEKSTIL MALAYSIA

TEMPAT: HOTEL REGENT, KUALA LUMPUR

TARIKH: 23 DEC 1987

MASA:

Encik Allan Tan,
Presiden Persatuan Pengilang-Pengilang
Tekstil Malaysia;
Dif-dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-puan;
Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa
Persatuan Pengilang-Pengilang Tekstil Malaysia kerana
menjemput saya ke majlis makan malam tahunan Persatuan ini.
Saya berharap Persatuan ini akan dapat memandu ahli-ahlinya
dan industri perkilangan bagi mencapai pertumbuhan yang
lebih menggalakkan lagi.

2. Pada mulanya saya menjangkakan saya tidak payah berucap
di Majlis ini, tetapi pihak penganjur meminta juga untuk
saya menyampaikan sepatah-dua kata. Dengan ini saya akan
memperkatakan satu-dua perkara yang dekat di hati saya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Ekonomi negara kita masih menunjukkan tanda-tanda
pemulihan selepas beberapa tahun mengalami kelembapan. Pada
keseluruhannya, ekonomi kita telah mengalami pertumbuhan
Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK kira-kira 2% pada
tahun ini. Pemulihan ini didorong oleh permintaan dan harga
yang menggalakkan ke atas eksport kita dan juga perbelanjaan
sektor swasta. Di samping itu ekonomi kita dijangkakan akan
terus berkembang pada tahun 1988 yang akan menjelang minggu
depan. Kerajaan menjangkakan permintaan luar negeri
terhadap eksport kita akan meningkat secara sederhana, di
samping aktiviti sektor swasta bertambah giat. Dengan itu
Kerajaan menjangkakan KDNK negara akan mengalami pertumbuhan
melebihi daripada yang kita capai pada tahun 1987 ini.

4. Walau bagaimana pun, pertumbuhan ekonomi daripada segi
pengeluaran di antara berbagai sektor tidaklah meluas dan
seimbang, ada yang mencapai pertumbuhan melebihi 10% setahun
dan ada juga sektor yang mengalami pertumbuhan yang lembab.
Dalam konteks ini, sektor perkilangan telah berjaya
berkembang dengan pesatnya, terutama sekali
industri-industri yang berorientasikan eksport. Di antara
industri-industri perkilangan yang berorientasikan eksport
industri tekstil, elektrik dan elektronik adalah yang telah

berkembang melebihi 10% tahun ini. Sektor perkilangan merupakan penyumbang terbesar tahun ini kepada KDNK, di samping menjadi penyumbang terbesar kepada hasil eksport negara.

5. Namun demikian daripada tiga jenis industri perkilangan yang berjaya, hanya tekstil sahaja yang di miliki dan diusahakan oleh rakyat negara ini. Beribu-ribu lagi jenis perkilangan yang lain tidak terdapat atau tidak berjaya di Malaysia. Nampaknya keupayaan kita menjadi negara industri amat terhad kerana kita tidak perolehi kecekapan dalam bidang ini seperti yang diharapkan. Pengusaha kilang tekstil perlu kembangkan peranan mereka kepada upstream, downstream dan related industries supaya kecekapan teknikal dan pengurusan mereka boleh diguna untuk menjayakan lagi proses industrialisasi negara kita Malaysia.

6. Kita harus ingat semasa kita dan dunia mengalami kemelesetan ekonomi yang teruk, ada negara seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong yang mencatat pertumbuhan ekonomi yang pesat. Faktor yang umum kepada mereka ialah mereka negara Timur dan mereka berjaya kerana pertumbuhan pesat dalam bidang perkilangan. Jika Kerajaan mendesak supaya kita Pandang Ke Timur sebabnya ialah kerana kejayaan terdapat di Timur. Dan kejayaan ini berasas kepada industrialisasi.

7. Memang benar bahawa industrialisasi lebih mudah diperkatakan daripada diamalkan. Tetapi kita telah berjaya dalam bidang tekstil. Ini bermakna bahawa jika kita berminat, kita boleh mencapai matlamat kita. Dalam bidang tekstil kita berjaya kerana pada mulanya kita sanggup menerima penyertaan rakyat asing yang berpengalaman dalam ekuiti dan juga pengurusan. Akhirnya kita dapat mengambilalih industri ini apabila pengalaman kita pula telah meningkat.

8. Seperkara yang selalu menjadi masalah kepada pertumbuhan industri di Malaysia ialah kos kita selalunya tinggi. Sesiapa juga yang ingin mengadakan industri di Malaysia selalunya meminta perlindungan Kerajaan. Saya ucapkan syabas kepada industri tekstil yang berjaya mengatasi masalah kos ini. Sepertimana kita semua maklum subsidi daripada Kerajaan akan menghalang eksport kerana negara lain akan menyekat kemasukkan barangan kita. Oleh itu amatlah penting industrialis kita mencari jalan mengurangkan kos melalui usaha sendiri. Dalam perkara ini yang penting sekali ialah kecekapan pengurusan dalam meningkatkan produktiviti. Gaji yang rendah mungkin menolong tetapi pekerja yang rendah gajinya yang menghasilkan produktiviti yang rendah tidak akan menolong mengurangkan kos. Kita harus ingat bahawa di negara maju gaji jauh lebih tinggi tetapi mereka masih dapat mengeluarkan barangan buatan yang di pasarkan di seluruh dunia. Apakah rahsia mereka? Ini perlu kita kaji dan kita tiru jika kita ingin berjaya dalam bidang industri.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

9. Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan ini yang berusaha meluaskan pasarannya ke beberapa buah negara maju seperti Australia, New Zealand, Jepun dan negara-negara Scandanavia, serta berusaha memenuhi permintaan negara Asia Barat. Usaha mencari pasaran baru adalah satu faktor penting bagi menjamin pertumbuhan yang dicapai oleh industri tekstil hari ini akan berterusan pada masa akan datang. Setiap usaha yang bersungguh-sungguh akan akhirnya membawa hasil yang diharapkan.

10. Kerajaan telah menggalakkan para pengeksporth kita mencari pasaran baru dan juga mengeksporth terus ke negara-negara pengimport. Kalau kita perhatikan perdagangan antarabangsa kita, masih banyak lagi barangan eksport kita yang melalui negara jiran. Ini adalah satu jalan mudah yang bukan sahaja mengurangkan pendapatan kita tetapi mengurangkan juga pengetahuan kita tentang pasaran dan personaliti-personaliti yang penting dalam dunia perdagangan. Dengan kita membiarkan segala urusan eksport dan import kepada agensi-agensi di negara asing maka kegiatan-kegiatan sampingan seperti insuran dan pengangkutan yang menjadi perniagaan yang besar tidak memberikeuntungan dan manfaat kepada kita.

11. Dilemma perdagangan ini bukanlah baru kita sedari, sebaliknya telah diperkatakan bertahun-tahun dahulu. Kerajaan berharap para pengeksporth akan berusaha meningkatkan eksport mereka terus ke negara pengimport pada masa depan. Ini akan menjamin pertumbuhan sektor-sektor perkhidmatan seperti insurans dan pengangkutan dengan lebih pesat lagi. Kerajaan, dan para pengusaha yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti ekonomi dan perdagangan, sudah tentu ternanti-nantikan di kala mana defisit dalam akaun perkhidmatan imbalan bayaran kita, yang meningkat tahun demi tahun, akan berkurangan. Dewasa ini defisit akaun itu nampaknya semakin bertambah. Defisit tahun ini sudah hampir 10,000 juta ringgit. Sama-samalah kita berusaha supaya defisit ini tidak meningkat pada tahun-tahun akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Majlis makan malam ini diadakan menjelang tahun baru 1988, dan biasanya kita membuat beberapa resolusi atau tekad-tekad baru bagi tahun baru ini. Kepada para pengusaha tekstil di negara ini, saya berharap salah satu resolusi ialah meningkatkan mutu pengeluaran kita supaya permintaan terhadap tekstil negara akan terus meningkat.

13. Kita harus sedar bahawa persaingan di pasaran antarabangsa akan menjadi begitu hebat sekali dengan adanya kemasukan negara-negara perindustrian baru. Saya berpendapat negara-negara yang dapat mengeluarkan barang-barang yang mempunyai kualiti yang tinggi akan dapat menembusi pasaran antarabangsa, dan negara-negara yang gagal berbuat demikian tidak akan dapat mengekalkan kedudukannya

dalam pasaran antarabangsa. Memandangkan bahawa Malaysia sedang berusaha untuk menggalakkan eksport, kita harus memberi perhatian yang serius untuk mewujudkan satu keupayaan perindustrian yang berasaskan kepada kualiti. Saya berharap budaya kerja yang mengutamakan kualiti ini akan menjadi asas yang akan mempertingkatkan lagi pertumbuhan perindustrian kita.

14. Di samping itu adalah diharapkan pengilang-pengilang tekstil akan terus menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Dengan adanya kemudahan-kemudahan itu, Kerajaan berharap industri tekstil akan dapat berkembang dengan baiknya pada tahun 1988 ini dan terus menyumbangkan kepada pendapatan negara pada tahun-tahun yang akan datang.

15. Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Mahlis Makan Malam ini. Saya berharap Persatuan Pengilang-Pengilang Tekstil Malaysia ini juga akan menempuh kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.